



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(Kementerian Perlindungan dan Komoditi)

**KRITERIA DAN
SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
PROGRAM PEMBANGUNAN
*INDUSTRIAL TREE PLANTATION (ITP)***



<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
A.	PENGENALAN	3
B.	KRITERIA PERMOHONAN	3
C.	SYARAT PERMOHONAN	5
D.	SENARAI SEMAK DOKUMEN	7

A. PENGENALAN

Program Pembangunan *Industrial Tree Plantation* (ITP) merupakan inisiatif Kerajaan bagi menyokong pembangunan ladang hutan spesies cepat membesar untuk tujuan industri kayu. Geran padanan ini bertujuan menggalakkan pelaburan dalam penanaman hutan melalui mekanisme *Pay & Claim*.

B. KRITERIA PERMOHONAN ITP

BIL.	PERKARA	KRITERIA
1.	Pemohon	i. Syarikat, Koperasi atau Agensi perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies cepat besar. ii. Pokok hendaklah berusia satu (1) hingga (3) tahun.
2.	Tanah	i. Pajakan / Pemilikan adalah hanya bagi perniagaan berstatus <i>Sendirian Berhad</i> yang didaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). ii. Bagi pertubuhan Koperasi, permohonan hanya dibenarkan sekiranya tanah projek dimiliki atau dipajak secara sah atas nama koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan tempoh pajakan hendaklah merangkumi keseluruhan kitaran tanaman. iii. Spesies yang ditanam / dipohon hendaklah dinyatakan di dalam Perjanjian Pajakan atau syarat nyata Hakmilik Tanah atau diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. iv. Mempunyai tanah yang sesuai untuk perladangan hutan sama ada milik sendiri atau pajakan tidak kurang dari 20 tahun atau lebih dengan keluasan tanah 40 hektar dan ke atas.

BIL.	PERKARA	KRITERIA
		<u>Semenanjung Malaysia:</u> - Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hak milik Kerajaan atau milik persendirian dan kawasan yang telah diperuntukkan untuk ladang hutan (bagi Hutan Simpan Kekal, HSK). <u>Sarawak:</u> - Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hak milik Kerajaan atau milik persendirian dan dalam kawasan yang diberikan <i>License for Planted Forest</i> (LPF). <u>Sabah:</u> - Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hak milik Kerajaan atau milik persendirian dan hanya kawasan dibawah <i>Industrial Tree Planting</i> (ITP) bagi <i>Sustainable Forest Management Licence Agreement</i> (SFMLA).
3.	Rekod kewangan	Syarikat, Koperasi atau Agensi hendaklah mempunyai rekod kewangan yang baik (berdasarkan penilaian oleh MTIB) terhadap laporan kewangan beraudit : - Laporan kewangan beraudit untuk 3 tahun terakhir; - Akaun Pengurusan yang disahkan oleh akauntan berdaftar bagi syarikat/koperasi yang baru ditubuhkan; - Pulangan Tahunan (<i>Annual Return</i>) yang disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM); - Penyata bank untuk 3 bulan terakhir; dan - Rekod Aliran Tunai syarikat / projek.

C. SYARAT PERMOHONAN ITP

BIL.	PERKARA	SYARAT
1.	Pemohon	i. Syarikat, Koperasi atau Agensi perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies yang diluluskan di bawah ITP. ii. Pembiayaan ITP ini adalah bagi aktiviti pembangunan ladang sahaja dan bukan untuk lain-lain tujuan dan aktiviti. iii. Syarikat, Koperasi atau Agensi yang mempunyai hutang tertunggak dengan MTIB adalah tidak dibenarkan menyertai program ini. iv. Syarikat, Koperasi atau Agensi mestilah mempunyai perjanjian perjanjian pembelian semula (<i>buy-back</i>) antara syarikat dengan pengilang/pembeli bahan mentah. v. Syarikat perlu berdaftar sebagai pedagang MTIB.
2.	Keperluan Teknikal	i. Laporan Penilaian Alam Sekitar [<i>Environment Impact Assesment (EIA)</i>] / Pelan Pengurusan Alam Sekitar [<i>Environment Management Plan (EMP)</i>] ke atas kawasan projek yang hendak dimajukan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa. ii. Laporan Pelan Pengurusan Ladang Hutan [<i>Forest Plantation Management Plan (FPMP)</i>] / Bamboo Plantation Management Plan (BPMP) ke atas kawasan projek perlu dimajukan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa. iii. Pemohon perlu mengemukakan peta digital bagi kawasan yang dipohon (<i>hardcopy</i>) dan peta digital dalam format <i>shapefile</i> (<i>softcopy</i>) yang disahkan. iv. Kawasan permohonan hendaklah di luar kawasan yang dizonkan sebagai <i>Central Forest Spine (CFS)</i> bagi Semenanjung Malaysia.

BIL.	PERKARA	SYARAT
3.	Kadar pembiayaan	i. Kaedah: bayar dahulu dan tuntutan kemudian (<i>pay and claim</i>). ii. Had tuntutan: 30% atau maksimum RM6,000 sehektar daripada jumlah kos pembangunan (yang mana lebih rendah). iii. Pembiayaan ini adalah bagi membiayai kos pembangunan ladang iaitu bagi aktiviti pembersihan dan penyediaan kawasan, penanaman dan penyelenggaraan.

D. KEPERLUAN DOKUMEN / SENARAI SEMAK PERMOHONAN

i.	Borang Permohonan	
ii.	Profail Syarikat beserta carta terkini	
iii.	Salinan Borang 9, 24 dan 49; Akta Syarikat 2016 bagi syarikat yang memohon (disahkan)	
iv.	Satu Naskhah " <i>Memorandum & Arcticle of Association</i> " / <i>Constitution</i> / Enakmen / Peraturan Kecil & perlembagaan untuk Koperasi yang disahkan (<i>Certified True Copy</i>)	
v.	Salinan resit tuntutan bagi pembangunan ladang yang disahkan (<i>Certified True Copy</i>)	
vi.	Salinan perjanjian pembelian balik (<i>buy-back</i>) antara syarikat dengan pengilang/pembeli bahan mentah	
vii.	Borang J yang disahkan (Jika berkaitan)	
viii.	Penyata Bank yang disahkan (3bulan terkini)	
ix.	Laporan Kewangan Beraudit untuk tiga (3) tahun terakhir	
x.	Kertas Kerja Cadangan Projek (Jika berkaitan)	
xi.	Salinan dokumen status tanah (Geran/ Perjanjian Pajakan)	
xii.	Laporan Penilaian Alam Sekitar [<i>Environment Impact Assesment</i> (EIA)]	
xiii.	Laporan Pelan Pengurusan Perladangan Hutan [<i>Forest Plantation Management Plan</i> (FPMP)] yang diluluskan / Laporan Bamboo Plantation Management Plan (BPMP) yang diluluskan	
xiv.	Peta Kawasan [Topografi/Pelan Berskala/Pelan Survey beserta Peta Digital yang sah	

Untuk maklumat lanjut hubungi :

Bahagian Perladangan Hutan

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Menara PGRM (Tower 2)

No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras

56100 Kuala Lumpur

Tel. : 03-92822235

Laman sesawang : www.mtib.gov.my